



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 OGOS 2021


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 29 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **20,845 kes** (1,422,005 kes kumulatif, 83.4%);
- Kes baharu : **20,579 kes** (1,706,089 kes kumulatif);
- Kes import : **7 kes** (4 warganegara, 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **20,572 kes** [17,106 warganegara (83.2%); 3,466 bukan warganegara (16.8%)];
- Kes aktif : **267,997 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,009 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **477 kes**;
- Kes kematian : **285 kes** [16,087 kes kumulatif, 0.94%; 240 warganegara, 45 bukan warganegara; 51 kes BID (30 warganegara; 21 bukan warganegara)];

- Jumlah kluster : **4,673 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **26 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **3,203 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,470 kluster**.

Daripada **20,579 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **455 kes (2.2 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **20,124 kes (97.8 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, **15,651 kes (76.1 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius. Diharapkan ini akan mengurangkan jangkitan COVID-19 di dalam negara, terutamanya kes di kategori 3 hingga 5. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **285 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **110 kes** di Selangor, **50 kes** di Johor, **46 kes** di Sabah, **22 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **16 kes** di Pulau Pinang, **lapan (8) kes** di Perak, masing-masing **tujuh (7) kes** di Terengganu dan Kelantan, **lima (5) kes** di Kedah, masing-masing **empat (4) kes** di Negeri Sembilan dan Pahang, serta masing-masing **dua (2) kes** di Perlis, Melaka, dan Sarawak.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T (STATUS SEHINGGA 28 OGOS 2021)

Berdasarkan data terkini pada **28 Ogos 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak 1.01. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Sarawak (nilai R_T 1.25), diikuti oleh Perlis (nilai 1.21), dan Sabah (nilai R_T 1.16). Semua negeri mencatatkan nilai R_T melebihi 1.0 kecuali Pahang, Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Negeri Sembilan.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

29 Ogos 2021 @ 6:45 petang.

LAMPIRAN 1



BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA

(setakat 29 Ogos 2021, jam 12:00 tengahari)

Negeri	Purata Kes 7 Hari *	Kadar Insiden **	Bilangan Kes Baharu () ***	Bilangan Kes Kumulatif
Selangor	5,447	81.11	4,591	596,057
Sabah	2,985	73.76	2,578 (1)	142,939
Sarawak	1,982	68.16	2,522	112,245
Johor	1,888	48.08	1,852	134,223
Kedah	1,842	81.24	1,755	95,016
Pulau Pinang	1,726	95.55	1,378	82,979
Kelantan	1,262	64.41	1,316	74,739
Perak	1,113	42.62	1,208	65,745
WP Kuala Lumpur	1,000	52.36	680 (5)	171,564
Pahang	607	34.71	839	42,547
Terengganu	590	45.61	789	32,340
Melaka	437	44.90	636	47,746
Negeri Sembilan	371	31.89	329	90,992
Perlis	56	20.99	56	1,819
WP Putrajaya	32	34.28	48	5,332
WP Labuan	5	4.43	2 (1)	9,806
Malaysia	21,344	62.34	20,579 (7)	1,706,089

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

***Kes import

Sumber: CPRC, KKM

LAMPIRAN 2

Ringkasan 285 kes kematian pada 29 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	110	57	53	95	15	102	90	12	8	5	3	85
Johor	50	26	24	48	2	45	43	2	5	5	-	37
Sabah	46	23	23	27	19	24	17	7	22	10	12	29
WP Kuala Lumpur	22	10	12	16	6	18	15	3	4	1	3	17
Pulau Pinang	16	7	9	15	1	9	9	-	7	6	1	9
Perak	8	5	3	8	-	8	8	-	-	-	-	7
Terengganu	7	4	3	7	-	7	7	-	-	-	-	6
Kelantan	7	5	2	7	-	5	5	-	2	2	-	3
Kedah	5	2	3	5	-	5	5	-	-	-	-	4
Negeri Sembilan	4	3	1	2	2	1	1	-	3	1	2	2
Pahang	4	2	2	4	-	4	4	-	-	-	-	3
Perlis	2	2	-	2	-	2	2	-	-	-	-	1
Melaka	2	1	1	2	-	2	2	-	-	-	-	1
Sarawak	2	1	1	2	-	2	2	-	-	-	-	1
Jumlah	285	148	137	240	45	234	210	24	51	30	21	205

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 20,579 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 29 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	4,591	259	2,442	-	1,890
SABAH	2,578	30	1,605	1	942
SARAWAK	2,522	241	1,769	-	512
JOHOR	1,852	322	933	-	597
KEDAH	1,755	42	1,089	-	624
PULAU PINANG	1,378	117	440	-	821
KELANTAN	1,316	41	915	-	360
PERAK	1,208	297	377	-	534
PAHANG	839	147	567	-	125
TERENGGANU	789	15	612	-	162
WP KUALA LUMPUR	680	13	285	5	377
MELAKA	636	302	228	-	106
NEGERI SEMBILAN	329	115	136	-	78
PERLIS	56	22	8	-	26
WP PUTRAJAYA	48	-	31	-	17
WP LABUAN	2	-	-	1	1
JUMLAH KESELURUHAN	20,579	1,963	11,437	7	7,172

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 29 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Tahana	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	89	316
2	Industri Istimewa Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	30	102
3	Jalan Parit Bakar Darat	Tempat Kerja	Johor	Muar	29	187
4	Jalan Perindustrian Empat	Tempat Kerja	Johor	Kulai	20	98
5	Industri Lapangan Satu	Tempat Kerja	Johor	Kulai	11	166
6	Industri I-Park 59	Tempat Kerja	Johor	Kulai	10	137
7	Industri Jalan Taiping	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	31	47
8	Industri Jalan P10/16	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat dan Kuala Langat	30	48
9	Industri Jalan Korporat 1A	Tempat Kerja	Selangor	Klang	29	196
10	Industri Jalan KPK Setengah	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	22	70
11	Jalan Industri Tiga Jelapang	Tempat Kerja	Perak	Kinta	109	237
12	Industri Perusahaan Tiga Buntar	Tempat Kerja	Perak	Kerian	82	466
13	Jalan Perusahaan Sembilan	Tempat Kerja	Perak	Larut, Matang, dan Selama	31	137
14	Jalan Masjid Lama Bandar Pasir Mas	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Mas	8	19
15	Jalan Kuarters Pegawai	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Puteh	7	40

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
16	Jalan Intisari	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	8	63
17	Industri Jalan PK 34	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	80	199
18	Tapak Bina Rimbun 2	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	67	183
19	Industri Dua Bukit Panchor	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	39	296
20	Bandar Baru Mukah	Tempat Kerja	Sarawak	Mukah dan Dalat	38	109
21	Jalan Pauh Lima Gunong	Komuniti	Kelantan	Bachok dan Pasir Puteh	42	51
22	Aring Satu	Komuniti	Kelantan	Gua Musang	20	23
23	Kampung Limau Purut	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	6	12
24	Kaman	Komuniti	Sarawak	Bau	63	149
25	Kampung Batu Kitang Jaya	Komuniti	Sarawak	Kuching	34	55
26	Langat Murni	Pendidikan Lain	Selangor	Kuala Langat	17	25

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 28 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
SARAWAK	1.25
PERLIS	1.21
SABAH	1.16
PULAU PINANG	1.12
JOHOR	1.08
KEDAH	1.05
PERAK	1.05
TERENGGANU	1.05
KELANTAN	1.04
PAHANG	0.99
SELANGOR	0.96
MELAKA	0.96
WP KUALA LUMPUR	0.83
WP PUTRAJAYA	0.82
NEGERI SEMBILAN	0.79
WP LABUAN	0
MALAYSIA	1.01